



**PERBADANAN ASET KERETAPI BERJAYA REALISASIKAN  
PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT MELALUI PEMBINAAN  
STESEN KERETA API SEGAMBUT 2 BERSAMA  
IDP INDUSTRIAL DEVELOPMENT SDN. BHD.**

**KUALA LUMPUR, 24 OGOS 2023** – Pembinaan Stesen Kereta Api Segambut 2 yang terletak bersebelahan dengan pembangunan United Point Residence merupakan contoh konsep Pembangunan Berorientasikan Transit yang berjaya diterjemahkan oleh pemain industri hartanah, IDP Industrial Development Sdn. Bhd.

Pembinaan stesen kereta api tersebut turut memberi peluang kepada penghuni di United Point Residence dan kawasan sekitar berhampiran memilih rel sebagai mod pengangkutan utama. Dengan anggaran keluasan 3.397 ekar, stesen kereta api baharu ini terletak di lokasi yang strategik di mana ia akan dihubungkan dengan jejantas pejalan kaki, berbanding dengan Stesen Keretapi Segambut sedia ada yang terletak kira-kira 1.25 km lebih jauh.

Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan bagi Pembinaan Stesen Kereta Api Segambut 2 antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dengan IDP Industrial Development Sdn. Bhd. telah dimeterai antara Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi (RAC), YBrs. Encik. Azhar bin Ahmad dan Pengarah IDP Industrial Development Sdn. Bhd., YBrs. Encik Kong Pak Lim hari ini. Majlis ini disaksikan oleh Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook, Menteri Belia & Sukan merangkap Ahli Parlimen Segambut, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Pengangkutan YB Datuk Haji Hasbi bin Hj Habibollah.

IDP Industrial Development Sdn. Bhd., merupakan anak syarikat Kumpulan UOA dan pemaju bagi United Point Residence, sebuah kawasan pembangunan bercampur yang mengandungi tiga (3) blok kediaman dan empat (4) tingkat ruang perniagaan bagi memenuhi keperluan harian penduduknya seperti kedai barangan runcit, lokasi aktiviti

perkembangan kanak-kanak, restoran dan pusat aktiviti hiburan keluarga. Dikelilingi dengan pemandangan hijau dan mesra alam serta mudah diakses melalui lebuhraya utama dan pengangkutan awam, menjadikan ia pembangunan yang menarik dan istimewa.

Pembinaan stesen kereta api baharu ini bukan sahaja dapat memberi kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik kepada penduduk kawasan sekitar, malah mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan sekitar kawasan United Point Residence dan Segambut secara amnya kepada kawasan yang berdensiti tinggi. Buat masa ini, dianggarkan seramai 330,600 orang tinggal dalam lingkungan 4km radius daripada kawasan United Point Residence.

Dengan penggunaan rel sebagai mod pengangkutan di kawasan tersebut, ia dapat mengurangkan kesesakan jalan raya serta menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan mereka yang mahu tinggal atau bekerja hampir di tengah pusat bandar.

Stesen kereta api yang akan dibina berkonsepkan moden ini dijangka dapat memberi suasana yang lebih kondusif dan selesa kepada penumpang memandangkan Stesen Keretapi Segambut sedia ada adalah berstatus Hentian, dengan kemudahan yang sangat terhad. Dianggarkan sejumlah 400 penumpang dapat menggunakan stesen kereta api ini pada satu-satu masa.

Stesen ini yang dijadualkan siap pada November 2025, bakal dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- |                               |                                    |
|-------------------------------|------------------------------------|
| i. Empat (4) unit eskalator;  | viii. Laluan pejalan kaki          |
| ii. Empat (4) unit tangga;    | berbumbung;                        |
| iii. Empat (4) unit lif;      | ix. Kemudahan hentian bas, teksi & |
| iv. 110 tempat letak kereta;  | kawasan naik dan turun             |
| v. 50 tempat letak motosikal; | penumpang;                         |
| vi. Enam (6) unit ruang       | x. 20 unit papan tanda iklan; dan  |
| perniagaan;                   | xi. Jejantas pejalan kaki.         |
| vii. Ruang legar;             |                                    |

Dengan termeterainya perjanjian ini, maka Kerajaan melalui RAC akan menerima pulangan secara *in-kind* iaitu bangunan stesen kereta api baharu yang bernilai RM34.1 juta dan RM3.5 juta secara *one-off* bagi menampung caj penyenggaraan dan caj-caj lain yang berkaitan.

Dengan pemilikan aset ini, RAC, selaku Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan dapat menjana pendapatan yang berterusan untuk jangka masa yang panjang melalui aktiviti komersial yang dijalankan di dalam stesen kereta api tersebut.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Yang Berbahagia Datuk Mohd Rani Hisham bin Samsudin, Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Yang Berbahagia Datuk Azlan Shah bin Al Bakri, barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC dan IDP Industrial Development Sdn. Bhd.

Terima kasih.

**PERBADANAN ASET KERETAPI /  
IDP INDUSTRIAL DEVELOPMENT SDN.BHD.  
24 OGOS 2023**

**- TAMAT -**

---

**Tentang RAC:**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset

kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Untuk maklumat lanjut sila layari [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)

**Tentang UOA Group:**

Kumpulan UOA (UOA) merupakan satu daripada kumpulan hartanah terkemuka di Malaysia. Ditubuhkan dan disenaraikan di Bursa Saham Australia (ASX) sebagai United Overseas Australia Ltd pada 1987, UOA telah memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah, pembinaan, pelaburan hartanah, dan pengurusan hartanah. Sejak 1989, Kumpulan ini telah membuka ibu pejabat dan menjalankan operasinya di Kuala Lumpur, Malaysia.

Objektif asas UOA adalah untuk membangun dan melabur dalam hartanah yang berkualiti. Seiring dengan perkembangan semasa, UOA telah menjadi satu daripada kumpulan pelaburan dan pembangunan hartanah di Kuala Lumpur yang paling dihormati dan berwibawa, berjaya mengembangkan banyak hartanah komersial dan kediaman utama dalam keadaan ekonomi semasa dengan rekod prestasi cemerlang dengan membuktikan banyak projek diselesaikan lebih awal daripada jadual. Untuk maklumat lebih lanjut, log masuk ke [www.uoa.com.my](http://www.uoa.com.my)

Pertanyaan Media:

**Unit Hal Ehwal Korporat  
Perbadanan Aset Keretapi**

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan  
Mispani  
E-mel: [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)  
No Tel: 603-8939 0200 / 012-6594256  
No Faks: 603-8939 0222

Pegawai Perhubungan Media dan Pengurusan Pemegang  
Taruh:  
Puan Siti Faraameera Zainuddin  
E-mel: [faraameera@rac.gov.my](mailto:faraameera@rac.gov.my)  
No Tel: 6038939 0200 / 013 – 200 8836  
No Faks: 603 – 8939 0222

**Bahagian Komunikasi Korporat  
IDP Industrial Development Sdn. Bhd.**

Pengurus Komunikasi Korporat  
Puan Jenny Leong  
E-mel: [jenny.leong@uoa.com.my](mailto:jenny.leong@uoa.com.my)  
No. Tel: 012 666 1523